

http://www.utusan.com.my/utusan/Utara/20140910/wu_06/kerjasama-komersialkan-alat-bersih-udara

kerjasama komersialkan alat bersih udara



(dari kiri) Edwin Jose Gomez, S. Srimala, Omar Osman dan Ng Kee Beng menunjukkan inovasi terbaharu Universiti Sains Malaysia yang bakal dipasarkan secara komersial oleh Anano iaitu Nano-TiO₂ di Pulau Pinang, semalam.

PULAU PINANG 9 Sept. - Hasrat Universiti Sains Malaysia (USM) menyebarkan produk hasil penyelidikan berasaskan teknologi hijau kepada masyarakat umum melalui pengkomersialan atau perpindahan teknologi diperkukuhkan lagi melalui memorandum persefahaman (MoA) bersama Anano Sphere Sdn. Bhd. (Anano) semalam.

MoA itu merupakan kesinambungan kerjasama antara Anano dengan USM yang sebelum ini telah menjalinkan kerjasama dalam penyelidikan teknologi mesra alam iaitu alat yang berkemampuan membersihkan udara dalam kawasan tertutup dan persekitaran dalaman dikenali sebagai Nano Titania (Nano TiO₂).

Melalui perjanjian itu, Anano akan berperanan sebagai rakan kongsi USM dalam usaha mengkomersialkan Nano TiO₂ kepada masyarakat umum, seterusnya memasarkan teknologi ini secara global.

Majlis menandatangani MoA itu diadakan di USM di sini baru-baru ini dengan universiti berkenaan diwakili Pengarah Urusan Kumpulan USAINS Holding Sdn. Bhd., Edwin Jose Gomez manakala Anano oleh Pengurus Besarnya, Ng Kee Beng.

Yang turut hadir, Naib Canselor USM, Datuk Dr. Omar Osman.

Selain tujuan pengkomersialan teknologi Nano TiO₂, MoA itu juga melibatkan perundingan maklumat untuk produk teknikal, pemindahan teknologi dan persediaan kemudahan serta perbincangan tentang potensi inovasi serta pengkomersialan pada masa hadapan antara kedua-dua pihak.

Nano TiO₂ merupakan hasil penyelidikan Prof. Madya S. Srimala dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral.

Srimala berkata, beliau memulakan penyelidikan itu secara intensif pada 2009 dan mengambil masa empat tahun untuk disiapkan.

"Nano TiO₂ merupakan produk mesra alam berasaskan cecair yang mampu menyahtoksik udara di dalam kawasan tertutup, mengeluarkan sebatian organik meruap (VOC) dan dalam masa sama membasmi bakteria dan masalah kulat.

"Matlamat asal penghasilan teknologi ini adalah bagi mengatasi masalah pencemaran udara berdasarkan statistik yang dikeluarkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 2010, setiap tahun, seramai 1.6 juta maut disebabkan masalah pencemaran udara," katanya ketika ditemui pemberita dalam majlis tersebut.

Menurut beliau, hasil ciptaannya itu berupaya menghapuskan pelbagai jenis bakteria berbahaya kepada manusia seperti Pseudomonas Aeruginosa, E-Coli, Salmonelia Typhii dan Candida Albicans.

Selain itu, menurut Srimala, inovasi yang telah memenangi pingat emas di Anugerah Reka Cipta dan Inovasi, Ekspo Teknologi Malaysia 2013 tersebut berpotensi tinggi dan dapat memberi manfaat kepada industri global yang sebelum ini membelanjakan berjuta-juta ringgit dalam menangani masalah bakteria dan VOC dalam udara.

Artikel Penuh: http://ww1.utusan.com.my/utusan/Utara/20140910/wu_06/kerjasama-komersialkan-alat-bersih-udara#ixzz3PqF1HzsN

© Utusan Melayu (M) Bhd